

Gerakan jihad: JIM nafi dakwaan Naib Canselor UUM

KUALA LUMPUR 28 Ogos — Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM) menafikan dakwaan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri bahawa JIM terlibat dalam gerakan jihad bagi menegakkan negara Islam dengan menggunakan cara kekerasan.

Presidennya, Prof. Dr. Mohamed Hatta Shaharom berkata, tuduhan yang mengaitkan nama JIM pada 23 Ogos lepas itu adalah perbuatan tidak bertanggungjawab yang telah menjejaskan nama baik dan reputasi JIM di kalangan masyarakat.

Katanya, JIM akan mengkaji tuduhan itu dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang bagi membersihkan namanya.

"Sebagai tindakan lanjut, peguam JIM akan mendapatkan salinan asal kenyataan akhbar itu dari



MOHAMAD HATTA SHAHAROM

Pejabat Canselori UUM," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar mengenai isu cubaan pengaruhi pelajar mengangkat senjata di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan akhbar Dr. Ahmad Fawzi yang mengatakan gerakan 'bawah tanah' itu dikesan berikutan ram-

pasan risalah termasuk kertas kerja daripada salah seorang pelajar yang menyertai seminar di Pulau Pinang pada 30 Oktober lalu yang disertai oleh 50 pelajar institusi pengajian tinggi awam.

Katanya, seminar ke arah pembentukan dakwah itu dianjurkan oleh sebuah pertubuhan Islam berdaftar yang menuntut agar dihidupkan roh jihad di kalangan mahasiswa untuk menegakkan sebuah negara Islam.

Beliau berkata, di dalam kertas kerja yang dirampas itu menyebut jihad di Malaysia memerlukan keberanian menytakan kezaliman, menedahkan penyalahgunaan kuasa yang berleluasa dan penyelewengan hak rakyat yang menjadi-jadi, yang bukan mustahil sampai ke tahap penggunaan kekerasan dan senjata.

Mengulas lanjut, Dr. Mohamed Hatta memberitahu, Dr. Ahmad Fawzi

telah memutarbelitkan isi kandungan kertas kerja itu dengan tidak memaklumkan sepenuhnya petikan yang sebenar.

Petikan sebenar kertas kerja itu, katanya, hanya menekankan konsep penegakkan negara Islam tidak semestinya dengan mengangkat senjata dan ia mesti dilakukan sesuai dengan tuntutan semasa dan setempat.

Menurutnya, kertas kerja itu tidak pernah menyatakan 'bukan mustahil sampai ke tahap penggunaan kekerasan dan senjata'.

"Petikan sebenar ialah 'walaupun bukan mustahil, saya berpendapat jihad di negara kita belum sampai ke tahap penggunaan kekerasan dan senjata,' jelasnya.

Pada sidang yang sama, JIM menegaskan ia tidak mempunyai sebarang hubungan dengan Kumpulan Militan Mujahidin Malaysia (KMMM) dan memilih pendekatan perubahan melalui proses demokrasi.

um 29/08/2001 11:51

um 12